

Malaysia pertimbang

11 OCT 2000

PETALING JAYA, Khamis - Kerajaan mengkaji kemungkinan memberi kerakyatan kehormatan kepada warga asing yang mahu datang ke Malaysia dan memberi sumbangan kepada ekonomi negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah itu adalah sebagai mengiktiraf sumbangan mereka kepada Malaysia terutama membantu membangunkan sektor ekonomi.

"Banyak negara lain memberi

kerakyatan kepada sesetengah orang yang memberi sumbangan kepada kesejahteraan. Jadi kita juga sedang memikirkan untuk berbuat seperti itu.

"Banyak orang yang berminat untuk tinggal di sini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar kebangsaan bertajuk 'Belajar Dari Korea' di Pusat Konvensyen Sunway di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataannya pada majlis dialog

sebelum itu mengenai kesiediaan Malaysia untuk memberikan taraf kerakyatan terhormat kepada orang asing yang bekerja serta menyumbang kepada ekonomi negara ini.

Seorang peserta bertanya sama ada kerajaan akan bersikap lebih terbuka dengan memberikan taraf pemastautin tetap kepada ahli perniagaan Korea yang berminat untuk tinggal dan bekerja di Malaysia.

Dr Mahathir berkata, Malay-

perkenal kerakyatan kehormat

sia sentiasa menyambut baik sesiapa saja yang ingin datang dan memulakan perniagaan dengan rakyat tempatan.

"Memanglah kami akan berasa sukacita dan bersikap lebih responsif jika orang luar ingin datang dan mempunyai sesuatu untuk ditawarkan," katanya.

Ditanya pemberita sama ada kerakyatan kehormat itu akan turut diberikan kepada mereka yang menyumbang dalam bidang bukan bercorak ekonomi,

beliau berkata kerajaan mungkin mengadakan kelonggaran mengenai perkara itu.

"Kita boleh beri kelonggaran, kita akan lihat sama ada mereka boleh melakukan sesuatu yang baik bagi Malaysia.

"Ketika ini, banyak orang asing yang mahu tinggal di Malaysia semata-mata kerana mereka menyukai negara ini," katanya.

Mengenai tarikh pelaksanaan dasar pemberian status kerakyatan kehormat itu, Dr Maha-

thir berkata ia masih lagi dalam kajian.

"Saya tidak tahu sama ada kita perlu membuat pindaan kepada undang-undang atau tidak, tetapi kita perlu mengadakan peruntukan yang sewajarnya," katanya.

Ketika ini, Malaysia membenarkan warga asing yang terpilih untuk tinggal di negara ini bagi tempoh sehingga dua tahun mengikut program 'Silver Hair'.

"Malah di sini pun kita mem-

benarkan mereka mendapat (status) pemastautin tetap jika mereka melabur sejumlah tertentu wang," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, cadangan Malaysia untuk memberi kerakyatan kehormat itu berbeza dengan program migrasi Australia.

Setakat ini katanya, kerajaan belum memikirkan sama ada akan mengenakan kuota bagi jumlah warga asing yang hendak diberikan kerakyatan kehormat.